

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Empat aspek utama akan dibincangkan dalam bab ini. Rumusan kajian akan dibincangkan terlebih dahulu, diikuti dengan cadangan untuk mengatasi kelemahan penguasaan tatabahasa. Seterusnya akan dibincangkan pula ciri-ciri lain yang perlu ada pada sebuah karangan yang cemerlang selain daripada penggunaan tatabahasa yang baik. Cadangan kajian lanjutan akan mengakhiri perbincangan dalam bab ini.

5.2 Rumusan Kajian

Berdasarkan data dan huraian dapatan kajian, pengkaji dapat membuat rumusan bahawa:

- 5.2.1 Semua sampel melakukan kesilapan dalam penggunaan kata pereri, kata sendi *di*, dan kata jamak yang dikaji. Sejumlah 279 kesilapan penggunaan kata tugas telah dilakukan.

5.2.2 Daripada 279 kesilapan tersebut, kesilapan penggunaan kata sendi di merupakan kesilapan yang paling kerap dilakukan oleh pelajar iaitu sebanyak 161 (57.7 %), diikuti kesilapan penggunaan kata jamak sebanyak 64 (22.9 %) dan kesilapan penggunaan kata pemerl 54 (19.4%)

5.2.3 Kesilapan tersebut berpunca daripada beberapa faktor utama. Faktor-faktor tersebut ialah kelemahan pelajar, kelemahan guru, dan kelemahan Kementerian Pendidikan.

5.3 Cadangan untuk Mengatasi Kelemahan Penguasaan Tatabahasa

Pengajaran BM perlulah diberi perhatian agar setiap pengajaran yang disampaikan tidak menyimpang daripada rumus tatabahasa Melayu. Disebabkan kesalahan yang dilakukan oleh pelajar akan menjelaskan pencapaian mereka dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, maka langkah-langkah tertentu perlu diberi perhatian segera. Antara langkah yang perlu dilakukan ialah:

5.3.1 Guru memainkan peranan penting dalam usaha untuk meningkatkan tahap penguasaan tatabahasa di kalangan pelajar. Guru bahasa Melayu hendaklah terdiri daripada guru yang dilatih khusus untuk mengajar Bahasa Melayu. Guru mestilah bersikap kreatif menggunakan pelbagai

pendekatan, kaedah dan teknik dalam mengajar satu-satu aspek ketatabahasaan. Cara ini dapat menarik minat pelajar, mengelak rasa jemu, dan pengajaran akan menjadi lebih berkesan.

5.3.2 Untuk menjadikan pengajaran lebih berkesan, guru-guru boleh memilih salah satu daripada teknik-teknik berikut mengikut kesesuaian.

i. **Teknik Penerangan**

Guru memberikan penerangan tentang aspek-aspek serta contoh tatabahasa yang hendak diajarkan. Pelajar-pelajar mendengar dan memahami, kemudian pelajar-pelajar membuat latihan yang merupakan latihan tubi secara lisan. Latihan ini diikuti oleh latihan bertulis untuk membolehkan pelajar-pelajar mengamati kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan dan membuat pembetulan. Pelajar-pelajar akan lebih ingat apabila latihan secara berulang-ulang melalui pembetulan yang dilakukan.

ii. **Teknik Perbandingan**

Apabila guru menggunakan teknik ini dalam pengajaran dan pemelajaran, guru akan menyampaikan pengajaran melalui proses soal jawab dan perbincangan. Guru memberikan ayat-ayat yang sama polanya, tetapi

digantikan bahagian subjek, predikat dan objeknya dengan perkataan-perkataan lain. Pelajar-pelajar dikehendaki membuat perbandingan tentang penggunaan perkataan itu dalam pola-pola ayat yang sama. Dalam proses pembelajaran itu pelajar-pelajar diminta menerangkan persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam ayat tersebut.

iii. Teknik Keperihalan

Teknik ini berdasarkan pada sesebuah karangan yang ditulis dengan menggunakan ayat-ayat yang pelbagai bentuk dan jenis. Pelajar-pelajar dikehendaki meneliti beberapa perkataan yang digunakan dalam keperihalan-keperihalan tertentu. Pada akhir pelajaran, pelajar dikehendaki menggunakan perkataan-perkataan tersebut dalam penulisan sebuah karangan yang lain.

iv. Teknik Analisis

Melalui teknik ini, cerakinan dilakukan terhadap sesuatu ayat yang dibina. Tiap-tiap unsur subjek dan predikat dianalisis dan dipecah-pecahkan kepada unsur-unsur yang lebih kecil. Pada bahagian awal, guru menunjukkan cara analisis ayat dilakukan. Kemudian pelajar mencuba sendiri dan seterusnya ayat-ayat yang telah dianalisis oleh pelajar ditulis pada papan tulis sebagai contoh. Apabila banyak contoh yang betul yang

dikemukakan sendiri oleh pelajar, maka bertambah kukuh ingatan dan pemahaman mereka.

v. **Teknik Binaan**

Guru memperlihatkan cara ayat-ayat dibina dengan menarik tumpuan dan perhatian pelajar-pelajar terhadap beberapa cara sesuatu ayat itu boleh diperluas hingga menjadi bentuk yang lebih besar. Latihan-latihan diberikan kepada pelajar berupa latihan lisan atau bertulis, misalnya latihan membina pola ayat yang sama dengan menggunakan perkataan-perkataan tertentu yang diberi sebagai unsur predikatnya.

5.3.3 Guru hendaklah mengelak daripada mengamalkan tradisi mengajar menggunakan buku teks semata-mata. Elakkan daripada mengajar tatabahasa seperti mengajar bacaan, iaitu membaca daripada buku teks. Guru boleh menggunakan bahan lain seperti akhbar, majalah dan lain-lain supaya dapat menarik perhatian pelajar. Dalam pengajaran tatabahasa , kaedah gabung jalin boleh digunakan. Misalnya, semasa guru mengajar kemahiran pemahaman, aspek tatabahasa boleh diselitkan juga, seperti meminta para pelajar meneliti penggunaan sendi nama *di* dalam petikan akhbar dan membetulkan kesilapan yang terdapat di dalamnya.

- 5.3.4 Pengajaran dan ulang kaji tentang satu-satu aspek ketatabahasaan hendaklah disampaikan dalam pelbagai situasi dan dirancangkan mengikut susunan daripada yang sedang kepada yang susah. Beberapa suasana yang menarik yang boleh menghidupkan dan menjadikan pengajaran berkesan termasuklah mengadakan aktiviti lakonan, gambar-gambar, aktiviti melihat, menyentuh dan mengalami, aktiviti perbandingan, permainan bahasa dan bacaan.
- 5.3.5 Untuk memastikan pelajar dapat menguasai asas tatabahasa yang kukuh, guru-guru boleh menggunakan tiga pendekatan yang disarankan oleh ahli sarjana bahasa. Pendekatan tersebut ialah:

i. **Pendekatan Induktif**

Pendekatan ini mengesyorkan supaya pelajar diberikan contoh yang banyak untuk difahami terlebih dahulu sebelum segala sistem, peraturan, dan undang-undang tatabahasa diterangkan untuk diaplikasikan. Pendekatan ini membolehkan pelajar menerima pelajaran dengan cara yang lebih konkret kerana disertakan dengan contoh yang banyak dan dapat digunakan secara praktik melalui latih-tubi dan pengulangan. Para pelajar tidak perlu menghafal segala peraturan atau sistem tatabahasa kerana mereka akan faham setelah melihat atau membaca contoh-contoh

aspek tatabahasa yang dipelajari melalui latih-tubi. Pendekatan ini mendatangkan kesan yang baik terutama kepada pelajar-pelajar di sekolah rendah dan di kelas menengah rendah.

ii. **Pendekatan Deduktif**

Pendekatan ini menyarankan supaya analisis segala sistem dan peraturan tatabahasa diperkenalkan terlebih dahulu, dihafaz, dan diterangkan definisi dan fungsi sebelum guru berkenaan mengaplikasikan segala sistem, peraturan, dan undang-undang tatabahasa melalui contoh-contoh. Kebiasaannya, kaedah ini digunakan apabila tatabahasa diajar sebagai satu mata pelajaran yang berasingan. Setelah pelajar menguasai peraturan satu-satu aspek tatabahasa yang diajar, barulah para pelajar diberikan contoh-contoh untuk menguatkan pemahaman mereka. Pengajaran tatabahasa hendaklah diberi penekanan daripada peringkat bawah lagi. Strategi ini penting supaya pelajar yang akan memasuki tingkatan menengah mempunyai asas yang kukuh dalam tatabahasa. Apabila mereka berada di sekolah menengah, yang perlu hanyalah mengaplikasikan pengetahuan tatabahasa yang sudah sedia ada, di samping memperkuatkannya dengan pemelajaran tatabahasa yang lebih mendalam.

iii. Pendekatan Elektik

Pendekatan ini merupakan gabungan pendekatan deduktif dan induktif.

Pendekatan elektik boleh dilakukan dengan cara:

- a. Dimulakan dengan Pendekatan Induktif dan diakhiri dengan Pendekatan Deduktif. Pengajaran guru dimulakan dengan memberikan beberapa banyak contoh tentang **aspek tatabahasa** sehingga pelajar benar-benar faham. Langkah seterusnya ialah membuat generalisasi, dan guru menerangkan segala sistem, peraturan dan undang-undang tatabahasa tersebut. Sebagai penutup, diberikan lagi contoh-contoh **aspek tatabahasa** ini secara latih tubi dan pengulangan.

- b. Dimulakan dengan Pendekatan Deduktif dan diikuti dengan Pendekatan Induktif. Guru memberikan penerangan tentang fungsi serta peraturan dan undang-undang **aspek tatabahasa** yang hendak diajarkan. Kemudian guru memberikan contoh-contoh sebagai aplikasi kepada peraturan-peraturan dan undang-undang. Langkah seterusnya ialah mengesan **aspek tatabahasa** yang dipelajari dengan peraturan dan undang-undang tatabahasa itu.

- 5.3.6 Pengajaran tatabahasa hendaklah diberi penekanan daripada peringkat bawah lagi. Strategi ini penting supaya pelajar yang akan memasuki tingkatan menengah mempunyai asas yang kukuh dalam tatabahasa. Apabila mereka berada di sekolah menengah, yang perlu hanyalah mengaplikasikan pengetahuan tatabahasa yang sudah sedia ada, di samping memperkuatkannya dengan pemelajaran tatabahasa yang lebih mendalam.
- 5.3.7 Guru BM juga disarankan agar sentiasa melakukan analisis kesilapan terhadap pelajarnya. Dapatkan analisis tersebut akan membekalkan maklumat penting kepada guru untuk dijadikan strategi dalam merancang pengajaran tatabahasa yang lebih berkesan. Dengan penganalisisan tersebut, guru berjaya mengenal pasti jenis atau daerah kelemahan tatabahasa pelajarnya. Hal demikian akan membantu guru menetapkan penekanan yang harus diberikan dalam aktiviti pengajaran dan pemelajaran di dalam bilik darjah. Lazimnya, aspek yang mencatatkan kekerapan kesalahan yang paling tinggi merupakan aspek yang paling sukar dikuasai oleh pelajar dan memerlukan penekanan yang lebih mendalam dalam proses pengajaran dan pemelajaran. Setelah daerah kelemahan dikenal pasti, pelajar perlu diberikan latihan tatabahasa sama ada berbetuk lisan atau bertulis. Segala butiran penting tentang kelemahan

seseorang pelajar seperti daerah kelemahan, jenis dan bilangan latihan yang telah diberikan, dan pencapaian dalam setiap latihan atau peperiksaan perlu direkodkan. Pelajar-pelajar hendaklah sentiasa dimaklumkan tentang kelemahan mereka dan diberi galakan serta bimbingan untuk mengatasi kelemahan tersebut dari semasa ke semasa.

- 5.3.8 Guru-guru mata pelajaran yang lain turut berperanan untuk meningkatkan penguasaan tatabahasa pelajar. Mereka hendaklah mengajar dengan menggunakan BM yang baku walaupun mereka bukan mengajar subjek BM. Sekiranya penguasaan bahasa mereka masih lemah, mereka perlu dihantar untuk mengikuti kursus BM. Hal ini perlu kerana pelajar-pelajar sentiasa mencontohi guru mereka. Guru-guru tersebut hendaklah digalakkan menghadiri seminar, bengkel, atau persidangan tentang bahasa dan pengajaran bahasa dari semasa ke semasa. Mereka juga digalakkan mengadakan seminar dan bengkel untuk membincangkan masalah bahasa dan pengajaran bahasa di sekolah-sekolah. Selain itu, Panitia Bahasa Melayu sekali-sekala wajar juga menjemput ahli-ahli bahasa, khusus untuk memperkatakan soal tatabahasa di samping memberi peluang kepada guru mengemukakan masalah dan kekeliruan yang memerlukan penyelesaian. Untuk menjayakan saranan ini Panitia BM setiap sekolah boleh mendapatkan khidmat Munsyi Bahasa yang dilantik oleh

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di tiap-tiap negeri. Munsyi Bahasa yang dilantik adalah terdiri daripada mereka yang mahir dalam mata pelajaran BM.

5.3.9 Kementerian Pendidikan pula mestilah memandang serius terhadap masalah kekurangan guru BM yang terlatih. Untuk itu, Kementerian mestilah membanyakkan bilangan guru BM yang terlatih. Dengan ini masalah guru BM terpaksa mengajar banyak kelas dan guru matematik atau ekonomi "dipaksa" mengajar BM tidak akan berulang lagi.

5.3.10 Buku-buku tatabahasa BM yang bermutu perlu disediakan dan diedarkan ke sekolah-sekolah untuk rujukan para pelajar. Melalui buku-buku tatabahasa yang bermutu, barulah pelajar mempunyai bahan rujukan yang boleh dipertanggung jawabkan. Dalam hal ini pengkaji ingin menyarankan agar Kementerian Pendidikan membekalkan buku tatabahasa pegangan iaitu Buku Tatabahasa Dewan ke sekolah-sekolah untuk dijadikan sumber rujukan para pelajar. Setakat ini, langsung tidak wujud inisiatif Kementerian Pendidikan untuk membekalkan buku tatabahasa ke sekolah-sekolah. Hanya buku-buku teks sahaja yang dibekalkan, itupun sudah usang ditelan waktu.

5.3.11 Akhir sekali, para pelajar sendiri perlu berubah sikap. Anggapan bahawa BM adalah mudah perlu dikikis. Pelajar perlu mengetahui dengan jelas perbezaan antara BM baku dengan dialek yang digunakan sehari-hari dari semua aspek. Pelajar-pelajar hendaklah sentiasa menggunakan BM dengan betul, terutamanya semasa persekolahan kerana amalan ini akan menyedarkan mereka bahawa BM yang betul sahaja harus digunakan. Selain itu, mereka juga perlu diingatkan supaya membaca buku, majalah, dan bahan-bahan bacaan yang ditulis dalam BM yang betul dan baik.

5.4 Ciri-Ciri Karangan yang Cemerlang

Penguasaan tatabahasa yang sempurna merupakan kriteria penting untuk menulis sebuah karangan yang cemerlang. Walau bagaimanapun, penguasaan tatabahasa yang sempurna semata-mata tidak akan menjamin kecemerlangan tersebut sekiranya aspek-aspek lain dalam binaan karangan diabaikan. Oleh kerana kajian ini menyentuh tentang penulisan karangan (pengkhususan tentang kesilapan tatabahasa), penulis akan membincangkan ciri-ciri yang perlu ada pada sebuah karangan yang cemerlang selain daripada tatabahasa yang baik. Perbincangan ini adalah berdasarkan pengalaman penulis sebagai guru BM.

- 5.4.1 Untuk menghasilkan sesebuah karangan yang baik atau cemerlang seseorang pelajar perlu melalui tiga proses penulisan iaitu proses perancangan, proses penulisan, dan proses penyuntingan. Yang dimaksudkan dengan proses perancangan ialah pelajar-pelajar merancang tajuk, format, kandungan, bentuk pemaparan, kepanjangan karangan, dan menyediakan rangka karangan. Sekiranya proses perancangan dilaksanakan dengan baik maka pelajar-pelajar dapat menulis dengan lancar dan berasa yakin kerana pelajar-pelajar mengetahui arah tuju perkara yang hendak ditulis. Akhirnya apabila karangan itu selesai ditulis, karangan itu perlu disunting iaitu pelajar-pelajar membaca karangan itu semula untuk mencari kesalahan supaya dapat dibetulkan.
- 5.4.2 Perkara kedua yang menentukan kecemerlangan sesebuah karangan ialah isi. Oleh itu, setiap isi yang dikemukakan dalam sesebuah karangan hendaklah tepat, jelas, lojik, cukup, dan berkembang. Isi karangan hendaklah menepati kehendak soalan atau tajuk karangan yang ditulis. Setiap isi hendaklah jelas dan tepat, iaitu mengarah pokok perbincangan. Pelajar-pelajar dicadangkan supaya memberi lima atau enam, sama ada semasa latihan di sekolah atau semasa peperiksaan. Seperti yang dikatakan tadi, setiap isi karangan mestilah berkembang, yakni isi-is

karangan tidak disenaraikan begitu sahaja sebaliknya setiap isi pokok diuraikan dan diberi bukti atau contoh yang sesuai.

- 5.4.3 Bilangan perenggan dalam sesebuah karangan bergantung kepada bilangan isi pokok dan jenis atau bentuk karangan yang ditulis. Dalam karangan jenis penghuraian, sekiranya pelajar mempunyai lima isi pokok, maka karangan itu hendaklah terdiri daripada tujuh perenggan iaitu satu perenggan pendahuluan, lima perenggan isi dan satu perenggan kesimpulan. Bagi karangan yang berformat pula, pelajar mestilah menguasai format yang dikehendaki dengan sempurna. Kegagalan pelajar menguasai format akan menyebabkan markah ditolak.
- 5.4.4 Pelajar-pelajar dinasihatkan supaya menulis karangan dengan bersih. Pelajar-pelajar perlu ingat bahawa tujuan sesebuah karangan ditulis adalah untuk dibaca dan dinilai oleh guru, atau pemeriksa. Oleh itu, tulisan hendaklah jelas, terang dan senang dibaca. Penggunaan tanda baca yang betul dan ejaan perkataan yang tepat diutamakan dalam penulisan karangan. Pelajar-pelajar perlu ingat bahawa satu kesalahan ejaan akan ditolak setengah markah. Sekiranya terlalu banyak kesalahan ejaan markah boleh ditolak sehingga maksima lima markah.

5.4.5 Dari segi tatabahasa pula, tiga aspek yang perlu diberi perhatian oleh pelajar-pelajar ialah ayat, frasa, dan kata. Seboleh-bolehnya jangan menggunakan ayat yang salah dalam karangan. Hal ini demikian kerana salah satu ciri karangan yang cemerlang dan baik ialah karangan yang tidak mengandungi kesalahan ayat. Ayat yang ditulis dalam karangan hendaklah gramatis, tepat, dan jelas maknanya. Aspek frasa dan kata juga wajar diberi perhatian kerana walaupun kesalahan ini dianggap kecil, tetapi kesalahan ini jika begitu ketara atau terlalu banyak dilakukan juga akan menjaskankan kualiti sebuah karangan.

5.4.6 Di samping itu, aspek gaya dan laras serta pertimbangan kata juga perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar. Pelajar-pelajar perlu menunjukkan bahawa mereka mempunyai pertimbangan kata yang sangat luas. Hal ini dapat digambarkan melalui pemilihan kata, penggunaan simpulan bahasa dan peribahasa dalam karangan. Seboleh-bolehnya karangan pelajar perlu mempunyai pemilihan kata yang luas dan pelbagai, simpulan bahasa, peribahasa, dan ungkapan atau cogan kata.

5.4.7 Akhir sekali, karangan itu perlu mempunyai pertautan yang menggambarkan kesinambungan antara satu isi dengan isi yang lain dan antara satu ayat dengan ayat yang lain. Untuk itu pelajar-pelajar perlu

mengetahui dan mahir menggunakan penanda wacana yang betul. Antara penanda wacana yang perlu digunakan ialah ; *oleh itu, di samping itu, selain itu, selanjutnya, sementara itu, walau bagaimanapun, jadi, akhirnya, justeru, manakala* dan sebagainya.

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

- 5.5.1 Kajian ini terbatas kepada tiga aspek kesilapan penggunaan kata tugas iaitu kata pemerl, kata sendi nama *di*, dan kata jamak. Kajian seumpama ini boleh dilakukan untuk mengkaji kesilapan penggunaan kata tugas yang lain seperti kata hubung, kata tanya, kata penguat, kata seru dan lain-lain.
- 5.5.2 Analisis kesilapan juga boleh dilakukan untuk melihat perbandingan kesilapan antara dua subjek kajian iaitu antara pelajar Melayu yang menggunakan BM sebagai bahasa pertama dan pelajar bukan Melayu yang menggunakan BM sebagai bahasa kedua. Kajian ini penting untuk melihat jenis-jenis kesilapan yang paling banyak dilakukan oleh kedua-dua subjek tersebut dan merancang langkah yang sesuai untuk mengatasi kesilapan tersebut.